



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pusat Kepimpinan
Akademik
(UTMLEad)



UTMLEad BULETIN 2015

PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK UTM (UTMLEad)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

#PRAYFORMH370/MH17

f www.facebook.com/UTMLEad on Facebook

📍 Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLEad)
Bangunan Pusat Siswazah (F54)
81310 UTM Johor Bahru
☎ Tel.: 07-5537593 / 37887
☎ Faks: 07-5537860
📄 Versi Digital:
utmlead.utm.my/publications/bulletins/

PERUTUSAN PENGARAH KANAN

Dimensi baru berkaitan latihan pembangunan staf akademik di UTM telah bermula apabila penubuhan Kepimpinan Akademik UTM (UTMLEad) berkuatkuasa pada 26 Januari 2014. UTMLEad diberi mandat dan tanggungjawab merancang dan melaksanakan latihan pembangunan profesional staf akademik...

Sambungan di halaman 2

MENCAPAI 30% COLLABORATIVE eLEARNING

Bagaimana anda memastikan kursus e-Learning anda mencapai 30% pembelajaran kolaboratif? Terdapat 4 item yang diambil kira iaitu :

- 1 item **Informasi (Information)**
- 7 item **Sumber (Resources)**
- 3 item **Aktiviti (Activities)**
- 2 item **Penilaian (Assessment)**

Rujuk halaman 9

PEMERKASAAN FUNGSI CALPD

Pusat Kepimpinan Akademik & Pembangunan Profesional (CALPD) memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan misi dan visi UTM, terutamanya dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Global UTM.

Sambungan di halaman 6

HALATUJU PELAKSANAAN NALI

Model New Academia Learning Innovation (NALI) telah diperkenalkan sebagai inisiatif dalam mewujudkan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar. Kaedah pembelajaran seperti ini menjadikan proses pembelajaran lebih aktif dan menyeronokkan. Buku *Akademia Baru Inovasi Pembelajaran* yang telah diterbitkan pada tahun 2013 telah menyenaraikan enam ciri pembelajaran yang berpusatkan pelajar iaitu :



1. Minat dan keperluan pelajar di pusat pembelajaran;
2. Faedah yang pelajar akan peroleh apabila membantu mereka bentuk dan melaksanakan pembelajaran dan penilaian;
3. Kesedaran pelajar tentang kepentingan pembelajaran mereka sendiri;
4. Terdapat hubungan yang kuat antara apa yang dipelajari pelajar di dalam bilik darjah dengan aplikasinya dalam dunia di luar bilik darjah;
5. Kerja berkumpulan dan kerjasama;
6. Refleksi berterusan ke atas aktiviti pengajaran yang berkesan dan penilaian pawaiaan akademik dan pembelajaran.

Sambungan di halaman 3



BLOSSOMS : PENCAPAIAN 2015

Antara pencapaian projek UTM MIT BLOSSOMS sehingga Ogos 2015 adalah kemenangan pingat emas di IPHEX2015 dan sebuah lagi video yang bertajuk "STOICHIOMETRY" telah berjaya diterbitkan. Selain itu video implementasi pengajaran BLOSSOMS dalam bilik darjah turut dihasilkan bagi melihat keberkesanannya.

Sambungan di halaman 4

Perutusan

PENGARAH KANAN UTMLead



Prof. Dr. Mohd Salleh Abu
Pengarah Kanan
Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead)

Sidang Redaksi

Ketua Editor

Prof. Madya Ir. Hayati Abdullah (hayati@fkm.utm.my)

Pengarah Kanan

Prof. Dr. Mohd Salleh Abu (salleh@utm.my)

Editor

Dr. Zaleha Abdullah (zac@utm.my) [Penyelaras]
Dr. Noor Dayana Abd Halim (noordayana@utm.my)
Prof. Dr. Mohd Zaki Kamsah (zaki@fkm.utm.my)
Prof. Madya Dr. Wan Mohd Nasir Wan Kadir (wnasir@utm.my)
Dr. Noor Azean Atan (azean@fkm.utm.my)
En. Ariffin Basserany (ariffin2@utm.my)

Pembantu Penerbitan

Nazlin Ali (nazlin@utm.my)
Nurhanin Ahmad (nurhanin@utm.my)
Mariyana Zainal (p-mariyana@utm.my)
Hashiela Kamarudin (hashiela@utm.my)
Noraini Khalid (noraini-k@utm.my)
Fadillah Ibrahim (fdillah@utm.my)

Grafik & Visual

Zul Azri A. Rahman (zulazri@utm.my)

Jurufoto

Mohd Gaffar Said (gaffarsaid@utm.my)
Supandi Bunangin (supandi@utm.my)

Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead)
Bangunan Pusat Siswazah (F54)
81310 UTM Johor Bahru
Tel.: 07-5537593 / 37887
Faks: 07-5537860
Versi digital:
utmlead.utm.my/publications/bulletins/

Menyedari kepentingan menghasilkan mahasiswa yang berminda keusahawanan, pelaksanaan *New Academia Learning Innovation (NALI)* perlu dipertingkatkan di kalangan ahli akademik UTM. Ini sejajar dengan dimensi baru berkaitan dengan latihan pembangunan staf akademik UTM yang telah diberikan mandat kepada UTMLead sejak tahun 2014. UTMLead kini bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan latihan pembangunan profesional staf akademik UTM. Terdapat 15 projek di bawah model NALI yang mana kesemuanya memberi fokus kepada inovasi pengajaran serta mampu memberi impak yang tinggi. Ianya juga adalah peralihan daripada kaedah pengajaran tradisional kepada pembelajaran teradun (Blended Learning) yang menggabungkan mod pembelajaran aktif dengan bantuan sumber digital.

Oleh yang demikian, 15 projek di bawah inisiatif NALI seperti UTM MOOC, UTM MIT-BLOSSOMS dan *Student to Student Edutainment* dipergiatkan lagi usaha pelaksanaannya pada tahun ini bagi meningkatkan pencapaiannya. Sehingga pertengahan tahun 2015, hampir 30 kursus telah di anjurkan oleh UTMLead bagi membantu universiti dalam mewujudkan keperluan pembelajaran yang dikehendaki bagi menjayakan pelaksanaan *New Academia*.

Selain itu, Dana Pembangunan Pengajaran (DPP) turut disediakan sebagai inisiatif dan galakkan kepada staf akademik UTM dalam menjalankan kajian penyelidikan terutama kajian yang memfokuskan *New Academia* seperti *Problem Based Learning*, *Peer Instruction*, dan *Scenario-Based Learning*. Kajian-kajian seperti ini dapat membantu dalam melihat keberkesanan pelaksanaan *New Academia* terhadap proses pengajaran dan pembelajaran pelajar khususnya di UTM.

Justeru, usaha-usaha ini dilihat dapat membantu UTM dalam merealisasikan strategi ke-3, pelan Global UTM 2012-2020 iaitu menyediakan suasana pembelajaran yang stimulatif, entrepreneurial dan berkualiti. Disamping itu, ianya juga selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 yang mensasarkan 100% pensyarah mengimplementasikan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Sekian.


New Academia Learning Innovation (NALI)

Berbanding pengajaran secara tradisional iaitu pembelajaran secara bersemuka (face to face learning), konsep pembelajaran teradun (blended learning) telah ditekankan dalam model NALI ini. Konsep pembelajaran teradun adalah gabungan sistematik strategi pembelajaran aktif dan bahan pengajaran digital ke dalam kuliah. Ini seterusnya dapat memberikan pelajar pengalaman pembelajaran yang bermakna dan juga mampu meningkatkan motivasi dan menarik perhatian pelajar terhadap kandungan pembelajaran tersebut.

Rajah 1.1 menunjukkan model bagi merealisasikan Model Inovasi Pembelajaran Akademia Baru. Berdasarkan Gambarajah 1. Akademia Keusahawanan ialah hasil akhir yang di harapkan akan dicapai oleh Inovasi Pembelajaran Akademia Baru. Terdapat dua mod di bawah Inovasi

Pembelajaran Akademia Baru, iaitu Mod Pembelajaran (Pedagogi/Andragogi) dan Bahan Pembelajaran (Sumber Digital), yang kesemuanya mengandungi 15 projek.

Oleh yang demikian, diharapkan dengan kewujudan model NALI ini penekanan dapat diberikan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran pelajar selaras dengan teras ke 2 dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang kini berada pada Fasa 2 (2011 - 2015 – Peningkatan dan Pemeraksanaan). Teras ini memfokuskan kepada penambahbaikan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran menerusi strategi yang terpilih agar pelaksanaannya adalah berpusatkan pelajar.



Gambarajah 1 : Model "New Academia Learning Innovation"

Pusat Pengajaran & Pembelajaran

CTL UTMLead

BLOSSOMS

GOLD MEDAL DI IPHEX 2015

Innovative Practices in Higher Education Expo 2015 telah berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Kuala Lumpur pada tanggal 7 Ogos 2015 yang lalu. Projek UTM-MIT Blossoms menerusi video "Is There A Connection Between Computer Network Topologies And A Malaysian Wedding?" telah merangkul *Gold Medal* dalam pameran tersebut. Projek yang diketuai oleh Dr. Zaleha Abdullah yang merupakan mantan Pengurus BLOSSOMS dari UTM berpendapat pertandingan seperti ini dapat bukan sahaja membantu dalam mempromosikan projek UTM-MIT BLOSSOMS ini kepada institusi pengajian tinggi yang lain malah kepada sekolah dan juga badan NGO berkaitan.



STOICHIOMETRY VIDEO KE-12 DARI MALAYSIA

Video pembelajaran BLOSSOMS bertajuk "Stoichiometry" menjadi video ke-12 yang diterbitkan dari Malaysia. Video yang dibangunkan oleh Cikgu Norini Binti Jaafar dari sekolah Sains Perempuan Seremban (SGS) dan Cikgu Azie Nurul Akhtar binti Nabir dari Sekolah Sultan Alam Shah (SAS) Putrajaya adalah berkonsepkan proses membuat kek dalam kehidupan harian. Video ini di harapkan dapat membantu pelajar memahami hubungan kuantitatif antara setiap bahan yang terlibat dalam proses tindak balas kimia.



Antara paparan dalam Video "Stoichiometry"

IMPLEMENTASI DI SEKOLAH SAINS MUAR

Pada tanggal 30 Julai 2015, penggambaran implementasi video Blossoms yang bertajuk "Electroplating" telah di jalankan di Sekolah Sains Muar, Johor. Proses pembelajaran menggunakan video BLOSSOMS tersebut telah berlangsung selama satu jam di ikuti proses temubual bersama guru dan pelajar. Cikgu Hafizah Binti Nasir yang juga merupakan pembangun video tersebut telah berjaya mengimplementasikan pembelajaran Blossoms kepada pelajar tingkatan 4 sekolah tersebut. Hasil daripada temubual bersama beliau menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang baru seperti ini membantu beliau menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek kimia di samping menjadikan proses pembelajaran di dalam kelas lebih berpusatkan pelajar. Di

samping itu, temubual bersama pelajar pula mendapati pelajar lebih bermotivasi untuk belajar dan seronok dengan aktiviti dalam kumpulan telah di jalankan.



UTM MOOCs

Pembangunan projek UTM-MOOCs (*Massive Open Online Courses*) ini diimplementasikan berdasarkan konsep pembelajaran teradun (*blended learning*) yang menyokong kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025, lonjakan ke 9 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global. Penyediaan UTM-MOOCs ini secara tidak langsung menggalakkan semua lapisan masyarakat untuk terus belajar berkonsepkan kepada pembelajaran terbuka dan menyuntik kepada pembelajaran sepanjang hayat.

Reka bentuk pembangunan MOOCs ini menggalakkan juga pelajar universiti berkongsi ilmu dan berinteraksi dalam pembelajaran mereka melalui pelbagai aktiviti pembelajaran dalam talian seperti aktiviti penyelesaian masalah, forum, wiki, online quiz, video pengajaran dan nota interaktif. Oleh demikian, sebuah Garis Panduan Pembangunan MOOCs telah disediakan oleh KPM sebagai rujukan dan sebuah modul Best Practices UTM MOOCs juga telah disediakan untuk para akademik.

Selain itu, terdapat beberapa fasa yang terlibat dalam proses pembangunan projek UTM-MOOCs sepertimana yang dipaparkan dalam Gambarajah 2. Hal ini termasuklah penentuan hasil pembelajaran yang diinginkan terhadap pelajar serta strategi

pentaksiran yang selari dengan hasil pembelajaran. Kesemua ciri ini perlu diwujudkan melalui pembangunan aktiviti pembelajaran dalam UTM-MOOCs.



Gambarajah 2 : Ringkasan Proses Pembangunan MOOC

EDUTAINMENT

Majlis Penyampaian hadiah pertandingan Edutainment Sem 1 2014/2015

Pada 17 Jun 2015 yang lalu, CTL telah mengadakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan Edutainment Sem 1 Sesi 2014/2015 dalam dua kategori iaitu video dan aplikasi mudah alih (android). Dua orang fasilitator telah terlibat dalam pertandingan ini bagi membimbing pelajar membangunkan video dan aplikasi mudah alih iaitu Dr. Norah Md Noor daripada Fakulti Pendidikan dan Prof. Dr. Ghazali Sulong daripada Fakulti Komputeran.

Sebanyak 15 produk video dan kebanyakannya berkaitan dengan "Hidup Sihat" telah dipertandingkan. Video edutainment yang terpilih sebagai pemenang. Pemenang pertama bagi kategori video adalah Video bertajuk "Write it Right". Video ini memberikan penerangan mengenai masalah pembelajaran Bahasa Inggeris merujuk kepada masalah tatabahasa yang dihadapi oleh pelajar meliputi penggunaan kata hubung, frasa, imbuhan aqal dan imbuhan akhiran. Video edutainment 'Write it Right' ini boleh digunakan oleh pelajar dalam pelbagai peringkat termasuk pelajar sekolah rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi. Pendekatan yang digunakan dalam video ini amat santai dan mampu menarik kumpulan pelajar yang berminat untuk menggunakan

kemudahan e-pembelajaran dan laman web yang turut dibangunkan oleh kumpulan pelajar Tahun 4, Program Jazah Sarjana Muda Pendidikan TESL yang terdiri daripada

Tajuk Video	Write it Right
Ahli Kumpulan	Lim Pei Rong
	Cheang Ai Nee
	Kew Shirley
	Lee Pei Ching

Bagi kategori Aplikasi mudah alih pula, sebanyak 31 kumpulan menyertai pertandingan ini dan dimenangi oleh pelajar Tahun 2 Program Jazah Sarjana Muda Sains Komputer (Multimedia Grafik) yang membangunkan aplikasi mudah alih bernama *My IQ*.

Tajuk Aplikasi	My IQ
Ahli Kumpulan	Siti Roziah binti Hashim
	Umi Mastura binti Abd Majid
	Siti Haswani binti Hashim

Pertandingan ini merupakan salah satu projek di bawah Akademia Baru bagi menggabungkan elemen pendidikan dan hiburan (edutainment) supaya sesuatu sesi pembelajaran itu menjadi lebih menyenangkan dan menghiburkan. Dengan cara ini pelajar dapat meningkatkan penerimaan mereka dan seterusnya proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan. Tahniah kepada semua pelajar yang berjaya. Semoga pertandingan ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



Best Apps



Best Video



OCW

UTM OCW adalah sebuah platform bagi penerbitan bahan pembelajaran yang di hasilkan untuk pengguna khususnya pensyarah dan pelajar secara percuma. Bahan pembelajaran yang ditawarkan ini adalah bagi kursus pra siswazah dan juga pasca siswazah yang boleh di akses melalui url: <http://ocw.utm.my> sepertimana dalam Gambarajah 3.1 di bawah.




Gambarajah 3.1 : Paparan Laman Web UTM Open Courseware

Walau bagaimanapun, CTL mengambil inisiatif menyediakan laman web baru bagi UTM OCW yang memenuhi paparan responsive bagi capaian pengguna telefon pintar menerusi url: <http://ctl.utm.my/ocw>, rujuk gambarajah 3.2.

Pada penghujung bulan Disember 2015 ini, dijangkakan sejumlah 150 buah kursus akan dihasilkan dalam laman

web UTM OCW ini. Dengan ini ianya menjadi sebahagian bahan pembelajaran terbuka yang membenarkan pengguna mengaksesnya pada bila-bila masa tanpa mengira waktu dan tempat. Bagi mencapai target serta meningkatkan kecekapan proses menyediakan bahan bagi laman web ini, dua buah Bengkel Penyediaan Bahan Pembelajaran Open Courseware diadakan iaitu pada 12 Ogos 2015 dan Oktober 2015 di Pusat Latihan UTMLead. Penceramah jemputan iaitu Yg. Bhg. Prof. Dr. Mohamad Noor Hassan dan Dr. Noor Azean Atan telah hadir dalam memberi taklimat berkenaan konsep OCW, prosedur dan *Common Creative License* (CCL) yang terlibat serta berkongsi ilmu dalam bengkel tersebut. Seramai 20 orang peserta telah menghadiri bengkel pertama dengan penghasilan sebanyak 8 kursus yang akan dimuat naik menerusi laman web UTM OCW.



Gambarajah 3.2 : Paparan Laman Web UTM Open Courseware versi responsive

Pusat Kepimpinan Akademik & Pembangunan Profesional

CALPD UTMLead



Pusat Kepimpinan Akademik & Pembangunan Profesional (CALPD) memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan misi dan visi UTM, terutamanya dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Global UTM. Secara umum, CALPD terdiri dari dua unit utama iaitu Unit Kepimpinan Akademik dan Unit Pembangunan Profesional.



Unit Kepimpinan Akademik CALPD



Berperanan untuk memantap dan meningkatkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan di kalangan pentadbir akademik di fakulti dan sekolah. Unit ini juga bertanggungjawab untuk membantu fakulti dan sekolah dalam menguruskan bakat dan melaksanakan pelan peralihan staf akademik. Di samping itu, unit ini juga ditugaskan untuk meningkatkan kemahiran staf akademik dalam menjalankan tugas harian selain daripada aktiviti pengajaran. Di antara aktiviti utama unit ini ialah:

- Menyusun program latihan bagi meningkatkan kemahiran pemimpin akademik sedia ada yang terdiri dari Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan dan Pengurus Program.
- Membantu fakulti dan sekolah dalam merancang dan melaksanakan pelan peralihan pemimpin dan staf akademik termasuk penyediaan talent pool dan talent management
- Meningkatkan kompetensi staf akademik dalam penyeliaan pelajar pasca siswazah, penyelidikan, penerbitan, keusahawanan, dan sumbangan kepada masyarakat.
- Pembangunan jiwa akademia, etika dan integriti
- Mengatur strategi bagi menonjolkan calon staf akademik cemerlang bagi penganugerahan di peringkat kebangsaan.



Unit Pembangunan Profesional CALPD

Bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan staf akademik yang holistik. Unit ini berperanan untuk meningkatkan kompetensi staf akademik di samping mengurangkan jurang di antara teori dan amalan profesional. Di antara sasaran yang telah ditetapkan bagi unit ini ialah meningkatkan bilangan staf akademik berkelayakan PhD dan profesional. Ini penting bagi memenuhi syarat keperluan sebagai sebuah Universiti Penyelidikan dan memenuhi syarat akreditasi program-program akademik khususnya akreditasi EAC serta pengiktirafan badan-badan profesional yang lain. Antara aktiviti umum yang dijalankan oleh unit ini adalah seperti berikut:

- Melaksanakan program & kursus mandatori badan profesional secara 'in-house'.
- Membantu Fakulti melaksanakan bengkel pembangunan kelayakan profesional.
- Menjadi pengantara di antara UTM dan badan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Penglibatan dalam aktiviti audit oleh panel penilai dari pelbagai institusi.
- Menguruskan perkembangan kompetensi profesional staf melalui skim Cuti Belajar, Pasca Doktorat, Latihan Ikhtisas dan Cuti Sabatikal.

Sehingga Julai 2014, sebanyak 13 program yang telah dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Profesional, CALPD UTMLead. Berikut adalah senarai kursus yang diadakan:



KURSUS

KURSUS / BENGKEL ANJURAN PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL (CALPD) JANUARI 2015 – JULAI 2015

BIL.	KURSUS / BENGKEL LATIHAN	TARIKH KURSUS	TEMPAT KURSUS	BIL. KEHADIRAN
LATIHAN STAF AKADEMIK				
1.	KURSUS MANDATORI LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (BEM) BAGI DISIPLIN KEJURUTERAAN ELEKTRIK : ELECTRICAL SAFETY IN THE INDUSTRIES	2 FEB 2015	Bilik Bengkel UTMLead	32 ORANG
2.	KURSUS MANDATORI LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (BEM) BAGI DISIPLIN KEJURUTERAAN ELEKTRIK : SAFETY AND HEALTH AT WORK PLACE	5 - 6 APRIL 2015	Dewan Kuliah UTMLead	25 ORANG
3.	KURSUS PENYELIAAN PELAJAR PASCA SISWAZAH (TAHAP 1)	6 APRIL 2015	Dewan Kuliah Blok L50	217 ORANG
4.	KURSUS AUTODESK REVIT ARCHITECTURE	21 – 22 APRIL 2014	Makmal CAD, B11 FAB	10 ORANG
5.	KURSUS PENYELIAAN PELAJAR PASCA SISWAZAH (TAHAP 1) KUALA LUMPUR	20 MEI 2014	Dewan Jumaah UTM KL	59 ORANG
6.	KURSUS ELEVATOR PITCH & 5 DISIPLIN INOVASI	1 JUN 2014	Bilik Seminar 2, Pusat Latihan	26 ORANG
7.	WACANA KEPIMPINAN AKADEMIK : PENTADBIR AKADEMIK - SATU TINJAUAN	3 JUN 2014	Dewan Kuliah UTMLead	106 ORANG
8.	KURSUS MANAGING CHANGE	15 JUN 2014	Bilik Seminar 1, Pusat Latihan	25 ORANG
9.	BENGKEL PENULISAN PROPOSAL GERAN PENYELIDIKAN	25 JUN 2014	Bilik PBL 1, Blok M46 FKA	63 ORANG
10.	KURSUS TURNAROUND LEADERSHIP FOR HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS	, Blok M	Dewan Utama Pusat Latihan	40 ORANG
11.	SPECIAL SESSION : HOW OXFORD UNIVERSITY RESTRUCTURED FOR THE 21ST CENTURY	, Blok M	Dewan Senat UTM	139 ORANG

**KURSUS / BENGKEL ANJURAN PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL)
JANUARI 2015 – JULAI 2015**

BIL.	KURSUS / BENGKEL LATIHAN	TARIKH KURSUS	TEMPAT KURSUS	BIL. KEHADIRAN
LATIHAN STAF AKADEMIK				
1.	BENGKEL MOOC FASA 7	13 JAN 2015	BILIK BENGKEL CTL	24 ORANG
2.	BENGKEL MOOC – PERSEDIAAN PERASMIAN MOOC 2015	19 JAN 2015	BILIK BENGKEL CTL	23 ORANG
3.	BENGKEL BAHAN KURSUS & SINOPSIS IT TRAINING@CTL	1 FEB 2015	BILIK BENGKEL CTL	17 ORANG
4.	BENGKEL PENGENALAN & PENGHASILAN DOKUMEN BLOSSOMS	10-11 FEB 2015	BILIK BENGKEL CTL	16 ORANG
5.	BENGKEL PEER INSTRUCTION – FAKULTI TAMADUN ISLAM	16 FEB 2015	BILIK BENGKEL CTL	6 ORANG
6.	WORKSHOP ON FINANCIAL PLAN FOR UTM ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS	24 FEB 2015	DEWAN UTAMA PUSAT LATIHAN UTM	32 ORANG
7.	BENGKEL MOOC SIRI 8 : PEMBANGUNAN BAHAN EXTRA RESOURCES/ONLINE ACTIVITIES MENERUSI PEMBANGUNAN VIDEO	25 FEB 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	21 ORANG
8.	BENGKEL PENAMBAHBAIKAN DOKUMEN BLOSSOMS	3-5 MAC 2015	HOTEL EMPRESS, SEPANG	..
9.	BENGKEL MOOC SIRI 1 : KUMPULAN 2	9 MAC 2015	BILIK BENGKEL CTL	34 ORANG
10.	DEVELOPING QUALITY ENGINEERING EDUCATION USING PBL AND CDIO AS COMPLEMENTARY CURRICULUM MODELS	12 MAC 2015	BILIK KULIAH 8, PRZS T04, UTM JB	32 ORANG
11.	CRITICAL FACTORS IN INITIATING AND IMPLEMENTING SUCCESSFUL CURRICULUM CHANGE	15 MAC 2015	BILIK KULIAH 8, PRZS T04, UTM JB	30 ORANG
12.	BENGKEL MOOC SIRI 10 : KUMPULAN 1	25 MAC 2015	BILIK BENGKEL CTL	21 ORANG
13.	BENGKEL MOOC SIRI 2 : KUMPULAN 2	29 MAC 2015	BILIK BENGKEL CTL	34 ORANG
14.	2- DAYS TRIZ LEVEL 1 TRAINING	30-31 MAC 2015	BLOK N24, UTM JB	28 ORANG
15.	FORUM ON COMPLEX PROBLEM SOLVING FROM INDUSTRIES' PERSPECTIVE	1 APRIL 2015	FBME BLOK T02 UTM JB	14 ORANG
16.	BENGKEL POLISI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SIRI 3	5 APRIL 2015	FBME BLOK T02 UTM JB	44 ORANG
17.	KURSUS BASIC E-LEARNING@UTM	14 APRIL 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	20 ORANG
18.	KURSUS OBE-CONSTRUCTIVE ALIGNMENT CONCEPTS & IMPLEMENTATION	19 APRIL 2015	BILIK MESY 3, SPS, UTM JB	35 ORANG
19.	KURSUS ADVANCED E-LEARNING@UTM	21 APRIL 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	25 ORANG
20.	BENGKEL SPPT ENHANCEMENT 2015	23 APRIL 2015	BILIK BENGKEL CTL	12 ORANG
21.	KURSUS INTERACTIVE ONLINE AND MEDIA SHARING	30 APRIL 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	22 ORANG
22.	BENGKEL MOOC SIRI 3 : KUMPULAN 2	11 MEI 2015	BILIK BENGKEL CTL	33 ORANG
23.	BENGKEL BLOSSOMS SIRI 2	12-13 MEI 2015	BILIK BENGKEL CTL	15 ORANG
24.	KURSUS WEB 2.0 TECHNOLOGY & COURSEWARE FOR ASSESSMENT & SURVEY VOTING	13 MEI 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	13 ORANG
25.	KURSUS CREATING ENGAGING GRAPHIC APPLICATION & ANIMATION FOR T&L	18 MEI 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	20 ORANG
26.	BENGKEL POLISI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SIRI 4	20 MEI 2015	BILIK BENGKEL CTL	43 ORANG
27.	KURSUS INTERACTIVE VIDEO/DIGITAL CONTENT SHARING FOR T&L	25 MEI 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	20 ORANG
28.	KURSUS EFFECTIVE COMMUNICATION USING SOCIAL NETWORK	27 MEI 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	26 ORANG
29.	MJIIT IMPLEMENTATION OF OBE WORKSHOP	27 MEI 2015	DEWAN SEMINAR MENARA RAZAK & ADVANCED PRECISION LAB MJIIT	43 ORANG
30.	MJIIT IMPLEMENTATION OF OBE WORKSHOP- SIRI 2	13-14 JUN 2015	DEWAN SEMINAR MENARA RAZAK & ADVANCED PRECISION LAB MJIIT	39 ORANG
31.	BENGKEL MOOC SIRI 11 : KUMPULAN 1	14 JUN 2015	BILIK BENGKEL CTL	23 ORANG
32.	WORKSHOP TEACHING BY THE CASE METHOD 2015 : HBSCS	15-16 JUN 2015	BILIK BANQUET UTM JB	23 ORANG
33.	BENGKEL PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN UTM-MOOC	21 JUN 2015	BILIK BENGKEL CTL	20 ORANG
34.	WORKSHOP TEACHING BY THE CASE METHOD 2015 : HBSCS	22-23 JUN 2015	BILIK ILMUAN 1, MENARA RAZAK UTM KL	41 ORANG
35.	KURSUS EFFECTIVE MULTIMEDIA CREATIVE PRESENTATION	28 JULAI 2015	MAKMAL KOMPUTER CTL	23 ORANG
36.	BENGKEL MOOC SIRI 4 KUMPULAN 2 : PENYEDIAAN PERANCANGAN VIDEO MINGGUAN	30 JULAI 2015	BILIK BENGKEL CTL	20 ORANG

ANALISA CAPs 2015


CAPs LEARNING & TEACHING (L&T)

BIL.	OBJEKTIF	KPI	SASARAN 2015	PENCAPAIAN (JUN 2015)
CAPs: Learning and Teaching				
1.	Meningkatkan Kualiti Pensyarah Dalam Pembelajaran & Pengajaran	Peratusan bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	1%	2.67% Jumlah geran bagi T&L/DPP sebanyak RM425,000
2.	Meningkatkan Kualiti Pensyarah Dalam Pembelajaran & Pengajaran	Peratusan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD.	75%	97% *66 program daripada 68 program melaksanakan 5 amalan berimpak tinggi

CAPs E-LEARNING

BIL.	OBJEKTIF	KPI	SASARAN 2015	PENCAPAIAN (JUN 2015)
CAPs: e-Learning				
1.	Membangunkan e-kandungan bagi mengukuhkan proses Pembelajaran dan Pengajaran	Bilangan kursus yang dilaksanakan dalam mod Pembelajaran Teradun (Blended Learning)	360 kursus	67 kursus dalam mod Pembelajaran Teradun (Blended Learning)

“ HOW TO ACHIVE 30% COLLABORATIVE eLEARNING ”



A + **B** + **C** + **D** = **30%**
Integration of Social Media

PERLANTIKAN DAN PERPINDAHAN STAF UTMLead

SENARAI PERTUKARAN STAF UTMLEAD KE PTJ BARU

BIL.	NAMA STAF	JAWATAN	PTJ BARU
1.	PROF. DR. MOHAMED NOOR HASAN	PENGARAH CTL	FS
2.	TN. HJ. YAHYA BIN SAMIAN	TIMBALAN PENGARAH CTL	FKM
3.	EN. AMIR BIN HAMZAH	TIMBALAN PENDAFTAR	FKM
4.	EN. ABD. JALIL BIN SAIRI	PEMBANTU TADBIR KANAN	FBME

SENARAI STAF BARU LAPOR DIRI DI UTMLEAD

BIL.	NAMA STAF	JAWATAN	PTJ LAMA
1.	PROF. MADYA DR. WAN MOHD NASIR BIN WAN KADIR	TIMBALAN PENGARAH CALPD	FK
2.	DR. NOOR DAYANA BINTI ABD HALIM	PENGURUS BLOSSOMS	FP
3.	PN. NAZLIN BINTI ALI	PENOLONG PENDAFTAR	SRAD
4.	EN. NOOR AZMI BIN MOHD NOOR	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	PUSAT KESIHATAN
5.	PN. JASLINA BINTI JA'APAR	PEMBANTU TADBIR KANAN	PEJ. PENDAFTAR (HCM)

SENARAI STAF KENAIKAN PANGKAT DI UTMLEAD

BIL.	NAMA STAF	JAWATAN BARU	JAWATAN LAMA
1.	PROF. MADYA IR. HAYARI BINTI ABDULLAH	PENGARAH CTL	TIMBALAN PENGARAH CALPD
2.	DR. ZALEHA BINTI ABDULLAH	TIMBALAN PENGARAH CTL	PENGURUS BLOSSOMS
3.	EN. ARIFFIN BIN BASSERANY	TIMBALAN PENDAFTAR	PENOLONG PENDAFTAR KANAN

TERIMA KASIH SEKALUNG BUDI



Prof. Dr. Mohamed Noor Bin Hasan

Prof. Dr. Mohamed Noor Bin Hasan telah berkhidmat di Centre For Teaching and Learning (CTL) sejak tahun 2004 lg. Beliau merupakan seorang professor dari Fakulti Sains dan bidang pengkhususan beliau adalah Kimia. Antara sumbangan besar beliau semasa berkhidmat di CTL adalah penubuhan Studio Rakaman Video CTL yang dilengkapi dengan peralatan multimedia yang bernilai hampir 3 juta. Kini, makmal ini merupakan antara lokasi utama untuk tujuan produksi penerbitan audio dan video di UTM.



Tuan Haji Yahya Bin Samian

Tuan Haji Yahya Bin Samian telah berkhidmat di Centre For Teaching and Learning (CTL) sejak tahun 2011. Beliau merupakan seorang pensyarah kanan dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan bidang pengkhususan beliau adalah Teknologi Marin. Beliau banyak penyumbang kepada penghasilan penulisan bahan ilmiah seperti Outcome Based Education (OBE), Harvard Business School dan Pembelajaran Berbantu Rakan (Peer Instruction).

CITRA KARISMA 2015

ANUGERAH PENGAJARAN

**KATEGORI
KEJURUTERAAN**



PM DR. Sharifah Hafizah binti Syed Ariffin
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

**KATEGORI
SAINS SOSIAL**



PM DR. Yeo Kee Jiar
Fakulti Pendidikan

ANUGERAH PENASIHAT AKADEMIK



Dr. Hairul Nizam bin Ismail
Fakulti Alam Bina

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG STAF UTMLead



Pihak UTMLead ingin mengucapkan tahniah kepada tiga orang staf CTL yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015 sempena Majlis Citra Karisma yang telah berlangsung pada 7 Juni 2015. Tiga orang penerima anugerah kali ini ialah Dr. Zaleha binti Abdullah - Timbalan Pengarah CTL yang sebelum ini memegang jawatan Pengurus BLOSSOMS, Encik Zul Azri bin A. Rahman dan Encik Mohamad Nizam bin Ahmad yang bertugas sebagai Penerbit Rancangan. Semoga kejayaan ini akan memberi semangat dan segala usaha gigih akan dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi kecemerlangan Universiti.

LIPUTAN MEDIA



AKTIVITI KAPPELLA

JAMUAN KAPPELLA 2015

Sebagai tanda penghargaan dan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara staf, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) telah menganjurkan Jamuan KAPELLEA'15 pada 11 Jun di Ishwara Asian Brasserie & Terrace, Le Grandeur Palm Resort, Senai.



Jamuan tersebut diadakan bertujuan untuk menghargai staf yang telah tamat perkhidmatan iaitu Prof Dr. Mohamed Noor B. Hasan (Pegawai CTL), Tn Hj Yahya B. Samian (Timbalan Pegawai CTL), En. Amir Hamzah B. Jamil (Timbalan Pendaftar UTMLead), dan En Jalil B. Sairi (Pembantu Tadbir). Disamping itu juga, dua orang staf baru iaitu Pn Nazlin Ali (Penolong Pendaftar) dan En Noor Azmi Mohd Noor (Penolong Pegawai Tadbir KUP) juga diraikan pada majlis tersebut.

Selain itu, majlis ulang tahun bagi staf yang menyambut kelahiran pada bulan Januari sehingga Jun yang melibatkan seramai 20 orang turut diadakan. Jamuan yang bermula pada 12.15 tengahari itu berlangsung sehingga pukul 2.30 petang.

IFTAR KAPPELLA 2015

Pada tanggal 2 Julai 2015 bersamaan dengan 15 Ramadhan yang lalu, jamuan berbuka puasa bagi staf UTMLead yang dinamakan Iftar Kapella 2015 telah dianjurkan dengan jayanya. Majlis yang berlangsung di R&R Bistro, Bandar Baru Uda, Johor Bahru itu disambut meriah oleh staf-staf yang hadir.

Pelbagai menu masakan melayu disajikan sempena majlis ini dan menu kambing golek menjadi sajian utama. Selain daripada meraikan bulan Ramadhan yang mulia, jamuan tersebut juga dapat mengeratkan lagi ukhuwah antara staf-staf yang terlibat.



GOTONG ROYONG MEMASAK BUBUR LAMBUK SEMPENA RAMADHAN



Pada ramadhan 1436H/2015, buat julung kalinya Bangunan Pusat Siswazah, F54 bersepakat menganjurkan program gotong-royong memasak bubur lambuk. Program yang melibatkan kesemua jabatan yang berada di bangunan F54 ini telah berlangsung pada 1 dan 2 Julai 2015, dimana pada hari pertama telah diadakan gotong royong bagi penyediaan bahan masakan dan pada

hari kedua adalah aktiviti memasak bubur lambuk dan pada sebelah petang dijalankan proses pengagihan kepada setiap jabatan terlibat.

Aktiviti yang pertama kali diadakan ini berakhir dengan jayanya, dan diharapkan dapat berterusan sekaligus merapatkan lagi hubungan silaturahim antara staff.

JAMUAN HARI RAYA KAPPELLA 2015

Bagi meraikan kedatangan bulan Syawal, UTMLead telah menganjurkan Jamuan Hari Raya Kappella 2015 pada 13 Ogos 2015 bersamaan dengan 28 Syawal. Majlis tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat UTMLead bermula pada jam 12.30 tengahari.

Majlis dimulakan dengan ucapan pengerusi Kappella iaitu En Jefri Abdul Rahman@ Idris dan diikuti ucapan oleh Pengarah Kanan UTMLead iaitu Prof Dr. Salleh B. Abu. Pada majlis tersebut juga diadakan sesi perkenalan dengan Prof Madya Dr. Wan Mohd Nasir B. Wan Kadir iaitu Timbalan Pengarah (CALPD).

Semua yang hadir pada jamuan tersebut disajikan dengan pelbagai juadah seperti lontong, sate dan aneka jenis kuih muih. Jamuan ini disambut dengan meriah dan secara tidak langsung dapat merapatkan silaturrahim dan ukhuwah antara staf-staf yang terlibat

